

Kertas Ulasan

Toleransi Etnik Melalui Perayaan Orang Asal di Sabah: Aplikasi Teori Tingkah Laku Terancang
(*Ethnic Tolerance on Indigenous Festivals in Sabah: The Application of the Theory of Planned Behaviour*)

Christina Andin¹, Rosazman Hussin^{2*} & Johan Johnes^{2,3}

¹Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

²Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

*Pengarang Koresponden: azzs@ums.edu.my

Abstrak: Penelitian terhadap hubungan etnik merupakan satu topik yang penting terutama sekali dalam sebuah masyarakat pelbagai kaum. Masyarakat pelbagai kaum terdedah kepada konflik akibat perbezaan daripada pelbagai aspek seperti agama, kepercayaan dan budaya. Sejesteru itu, penulisan ini membincangkan tentang toleransi etnik dengan fokus kepada peranan perayaan sebagai medium memupuk toleransi. Perbincangan dikembangkan melalui aplikasi Teori Tingkah Laku Terancang oleh Ajzen (1991). Teori Tingkah Laku Terancang dipilih kerana ianya digunakan secara meluas dalam memahami tingkah laku sosial manusia. Dalam penulisan ini, teori digunakan untuk memahami perkaitan perayaan dengan toleransi etnik. Penulis menganalisis bahan yang terdiri daripada jurnal, prosiding seminar, bab dalam buku, tesis, buku serta laporan organisasi untuk melihat perkaitan antara perayaan dengan toleransi etnik. Teori Tingkah Laku Terancang menunjukkan bahawa perayaan boleh mempengaruhi sikap, norma subjektif dan persepsi tentang cara seseorang menangani toleransi etnik. Adalah disyorkan bahawa teori ini digunakan oleh kajian masa depan untuk mengembangkan lagi asas pengetahuan dalam penelitian mengenai toleransi etnik. Hasil sorotan kajian ini memberikan idea bukan sahaja kepada pengkaji toleransi etnik, malah kepada pihak berkepentingan untuk memupuk integrasi masyarakat melalui perayaan pelbagai etnik seperti di Sabah.

Kata kunci: Toleransi, Hubungan Harmoni, Etnik, Perayaan, Orang asal, Teori Tingkah Laku Terancang

Abstract: Research on ethnic relations is an important topic, especially in a multi-racial society. Multi-racial societies are prone to conflict due to differences in various aspects such as religion, belief and culture. Furthermore, this paper discusses ethnic tolerance with a focus on the role of celebration as a medium of fostering tolerance. The discussion is developed through the application of the Theory of Planned Behavior by Ajzen (1991). The Theory of Planned Behavior was chosen because it is widely used in understanding human social behavior. In this writing, the theory is used to understand the association of celebration with ethnic tolerance. The authors analyzed material consisting of journals, seminar proceedings, chapters in books, thesis, books as well as organizational reports to identify the relationship between celebrations and ethnic tolerance. The theory of Planned Behavior suggests that celebrations can influence attitudes, subjective norms, and perceptions of how a person deals with ethnic tolerance. It is recommended that this theory be used by

future studies to further develop the knowledge base in research on ethnic tolerance. The highlights of this study provide ideas not only to researchers of ethnic tolerance but also to stakeholders to foster community integration through ethnic festivals such as in Sabah.

Keywords: Tolerance, Harmonious Relation, Ethnic, Festival, Indigenous, Theory of Planned Behavior

Pengenalan

Penelitian terhadap hubungan etnik merupakan satu topik yang penting terutama sekali dalam sebuah masyarakat pelbagai kaum seperti Malaysia. Walaupun Malaysia dinobatkan sebagai negara yang ke-20 paling aman di dunia dan yang ke-5 di Asia Pasifik (Institute for Economics & Peace, 2020), isu berkaitan dengan hubungan etnik perlu terus mendapat perhatian demi kemampunan keharmonian terutama sekali kawasan yang dicirikan dengan kepelbagaian etnik seperti negeri Sabah. Komposisi penduduk Sabah yang memperlihatkan kerencaman berbanding di Tanah Melayu yang secara umumnya hanya tertumpu kepada tiga kelompok utama iaitu Melayu, Cina dan India. Sabah kaya dengan keunikan 35 etnik dan 215 sub-etnik (Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, Pelan Strategik 2020-2025) dengan 50 bahasa dan 80 dialek berbeza (Muzium Sabah, 2002). Ini menjadikan Sabah sebagai negeri yang unik dan berbeza dengan negeri lain di Malaysia.

Kepelbagaian etnik menjadikan penelitian terhadap hubungan etnik signifikan dalam konteks negeri Sabah. Motif utama penelitian menjurus kepada isu toleransi pelbagai etnik yang penting untuk menjamin keharmonian masyarakat bagi memastikan kestabilan sosio-ekonomi dan politik dalam masyarakat prulalistik (Almond & Verba 1989; Cheah 2004). Menurut Amat (2021), walaupun hubungan antara etnik di Sabah dikatakan pelbagai pihak sebagai harmoni, namun persepsi dan sangsi sosial antara etnik-etnik tersebut tetap wujud walaupun dalam bentuk yang tidak serupa seperti di Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, penelitian terhadap isu seperti toleransi perlu diberikan perhatian secara berterusan. Terdapat pelbagai medium untuk memupuk nilai toleransi seperti pendidikan, agama, politik dan budaya (Agius & Ambrosewicz, 2003). Sorotan ini akan memberikan fokus kepada toleransi melalui budaya dengan mengaitkan kepada peranan perayaan orang asal. Phipps dan Slater (2010) iaitu pengkaji terkenal dengan kajian tentang perayaan orang asal di Australia menyatakan perayaan orang asal boleh memupuk nilai toleransi dan seterusnya mengeratkan hubungan harmoni dalam masyarakat pelbagai kaum.

Typology of Festivals oleh UNESCO (2015) mengkategorikan perayaan kepada beberapa jenis termasuklah perayaan berkaitan keagamaan, kebudayaan dan sukan. Dalam konteks sorotan kajian ini, tumpuan diberikan kepada perayaan berasaskan kebudayaan dengan fokus khusus kepada perayaan orang asal (*indigenous festival*) sahaja. Masih kurang kajian mengaitkan antara toleransi etnik dan perayaan orang asal. Sebaliknya, kajian mengenai perayaan orang asal sering dikaitkan dengan elemen tarikan pelancongan yang memberi fokus kepada kesejahteraan pembangunan ekonomi (Bowden, 2001; Getz et al., 2010; Hall, 1989; Nurse & Tull, 2005, 2006; Tull, 2003). Dalam konteks ini, keunikan budaya tempatan *dijadikan* sebagai daya tarikan kepada pelancong. Manakala, kajian tentang toleransi etnik di Malaysia pula lebih banyak tertumpu kepada toleransi agama (Ahmad Tarmizi, 2010; Ahmad Tarmizi et al., 2013; Jaffary, 2003; Khadijah & Mohd Hazali, 2008; Mohd Roslan, 2011; Nur Farhana & Khadijah, 2013) berbanding dengan toleransi melalui budaya seperti perayaan.

Oleh demikian, sorotan kajian ini memberikan satu lagi dimensi baru dalam kajian toleransi etnik sebagai medium perpaduan dalam sesebuah masyarakat pelbagai etnik. Sorotan kajian ini adalah satu usaha untuk memberikan gambaran tentang toleransi etnik melalui perayaan orang asal dengan berpandukan Teori Tingkah laku Terancang (*Theory of Planned Behaviour*) TPB oleh Ajzen (1985, 1991). Fokus sorotan ini boleh membantu para pengkaji tentang toleransi etnik serta pihak-pihak berkepentingan dalam perancangan program untuk mengekalkan keharmonian masyarakat melalui perayaan.

Metodologi Kajian

Pencarian sorotan dilakukan di beberapa platform termasuklah SCOPUS, Web of Science, Researchgate, Academia dan Google Scholar. Pencarian meliputi artikel jurnal dan seminar, tesis, dan laporan organisasi. Sorotan ini tidak meletak sebarang limitasi untuk tahun penerbitan. Tujuan sorotan ialah membincangkan peranan perayaan sebagai medium toleransi etnik berdasarkan kepada Teori Tingkah laku Terancang (TPB). Sebelum aplikasi TPB dibincangkan, sorotan kajian memberikan tumpuan kepada pengertian atau sempadan konsep (*conceptual boundaries*) (Denyer & Tranfield, 2009) terlebih dahulu iaitu konsep toleransi, toleransi etnik, perayaan dan perayaan orang asal. Seterusnya perbincangan tentang TPB dan aplikasi TPB dalam kajian perayaan sebagai medium toleransi etnik.

Toleransi Etnik dan Perayaan

Bahagian ini membincangkan sorotan berkaitan dengan definisi toleransi, toleransi etnik, dan toleransi etnik melalui perayaan orang asal.

1. Definisi Toleransi

Toleransi dalam bahasa Latin bermaksud "*to bear. Withstand and endure*". Kata kunci dalam kebanyakan definisi toleransi ialah tingkah laku 'penerimaan'. Penerimaan adalah berkaitan dengan sikap mengalu-alukan atau keterbukaan seseorang terhadap sesuatu perkara sama ada datang daripada diri sendiri atau luaran (Williams & Lynn 2010). Dalam konteks toleransi, keterbukaan itu menjurus kepada perkara luaran iaitu berkaitan dengan kepelbagaian atau perbezaan tentang sesuatu perkara. Definisi diberikan dalam American Dictionary of Psychology untuk menerangkan konsep toleransi memberikan contoh kepelbagaian seperti tindakan, kepercayaan, keupayaan fizikal, agama, adat resam, etnik, kewarganegaraan, dan sebagainya. Toleransi dilihat sebagai kesanggupan seseorang untuk menerima kepelbagaian yang berbeza daripada diri sendiri (American Psychology Association, 2007). Penerimaan itu pula ditunjukkan oleh sikap seperti perasaan selesa terhadap orang lain yang berbeza daripada dirinya dan menghormati serta menghargai pihak yang berbeza daripada dirinya (Corneo & Jeanne, 2009; Florida, 2003).

Sikap toleransi akan mendorong kepada perlakuan seperti saling memahami dan berkerjasama, berlaku adil dan mengiktiraf hak (Persell, Green, & Gurevich, 2001), tidak campur tangan terhadap amalan atau bentuk kehidupan orang lain (Gibson & Gouws, 2001). Toleransi ini melibatkan perhubungan penerimaan seku-rang-kurangnya antara dua pihak yang berbeza iaitu sama ada antara individu dengan individu, individu dengan kumpulan atau kumpulan dengan kumpulan (Agius & Ambrosewicz, 2003). Toleransi memerlukan kesanggupan penerimaan kedua-dua pihak akan perbezaan mereka tanpa paksaan (Ahmad Tarmizi et al., 2013). Kajian tentang toleransi dalam masyarakat yang dicirikan dengan kepelbagaian sering dikaitkan dengan isu konflik jika tidak ditangani dengan baik (Cheah, 2004; Gibson & Gouws, 2001; Svoronos, 2012).

2. Toleransi Etnik

Penelitian mengenai isu konflik dalam masyarakat yang disebabkan oleh pelbagai perbezaan sering kali dikaitkan dengan kajian toleransi etnik. Istilah etnik berasal daripada perkataan Latin 'ethnicus' yang merujuk kepada kumpulan manusia atau bangsa. Kumpulan etnik dalam masyarakat adalah mereka yang berkongsi identiti seperti agama, kepercayaan, bahasa dan kebudayaan (Stavenhagen, 1994). Menurut Brass (1991), identiti ini mempunyai fungsi sebagai kesatuan dan fungsi luaran sebagai ciri yang membezakan satu kelompok manusia dengan kelompok yang lain dalam sesuatu masyarakat tanpa mengira hubungan biologi. Berdasarkan kepada definisi istilah toleransi dan etnik, maka toleransi etnik adalah merujuk kepada tingkah laku penerimaan terhadap individu atau kumpulan lain yang berbeza identiti etnik sendiri. Sorotan menunjukkan kajian toleransi etnik dijalankan merentas pelbagai disiplin seperti anthropologi, psikologi sosial, politik, dan pendidikan (UNICEF, 2000). Sorotan kajian ini memberikan fokus aspek sosial iaitu budaya.

Linton (1945) mendefinisikan budaya sesebuah masyarakat sebagai cara hidup anggotanya, koleksi gaya hidup yang dipelajari, dikongsi dan disebarkan dari generasi ke generasi (Haralambos & Holborn, 2008; Lindberg, 1996). Manakala Kluckhohn (1951) merumuskan budaya sebagai '*design for living*' yang dipegang oleh anggota masyarakat tertentu dan diwarisi secara turun temurun (Haralambos & Holborn, 2008). Salah satu budaya warisan adalah warisan tidak ketara (*intangible cultural heritage*). Warisan tidak ketara meliputi amalan, representasi, ekspresi, pengetahuan, kemahiran serta instrumen, objek, artifak dan ruang kebudayaan yang berkaitan dengannya (UNESCO, 2003, 2009). Contoh warisan kebudayaan tidak ketara merangkumi tradisi lisan, seni persembahan, amalan sosial, ritual dan perayaan, ilmu dan amalan mengenai sifat alam semesta, dan tradisi ketukangan yang diwarisi secara turun temurun (Artikel 2(2) Konvensyen UNESCO, 2003). Sorotan kajian ini memberikan fokus kepada warisan tidak ketara yang berkaitan dengan perayaan orang asal (*indigenous festivals*).

3. Toleransi Etnik melalui Perayaan Orang Asal

Perayaan diberikan pengertian dalam pelbagai perspektif dan kebanyakan takrifan merujuk kepada ciri dan peranan perayaan. Definisi yang merujuk kepada ciri merangkumi perayaan dianggap sebagai sambutan keraian yang mempunyai tema tertentu (Biaett, 2015; Getz 2007; Saleh & Ryan, 1993;) seperti keagamaan, budaya, sukan, pertanian dan kesenian. Kerangka statistik kebudayaan UNESCO (2009) merujuk perayaan bukan sahaja bercirikan sambutan keraian malah mempunyai unsur persembahan serta disambut secara tidak formal, berulang mengikut waktu atau musim di lokasi tertentu (Wilson, 2017). Dalam konteks orang asal, tujuan perayaan orang asal bukan semata-mata untuk berseronok namun lebih kepada identiti dan juga cara hidup yang diwarisi dan mempunyai makna tersendiri (Svoronos 2012), dan unik kepada kumpulan tersebut (Derret, 2008).

Seterusnya, daripada aspek fungsi perayaan, kebanyakan mengaitkan perayaan dengan aktiviti tarikan pelancongan (Getz et al. 2006; Grunwell & Ha 2007; Robinson & Connell, 2008; Quinn 2006) untuk tujuan perkembangan ekonomi (Bowden, 2001; Getz et al., 2010; Hall, 1989; Nurse and Tull, 2003, 2004; Tull, 2003;). Maka itu, banyak kajian berfokus kepada analisis tentang audien perayaan (Prentice & Anderson 2003; Song et al., 2014) dan pengurusan operasi perayaan (Frisby & Getz 1989; Frost & Laing 2015). Memandangkan fungsi perayaan sebagai tarikan pelancongan, maka kebanyakan penilaian terhadap kesan perayaan lebih berfokus kepada impak ekonomi, dan fokus kepada impak sosio-budaya hanya kepada perhubungan sosial iaitu peranan umur, bangsa dan jantina (UNESCO, 2015). Penilaian impak yang hanya tertumpu kepada ekonomi sahaja telah menghadkan fungsi perayaan yang lebih luas (Mason & Beaumont-Kerridge,

2004; Raj, 2003). Oleh yang demikian, Carlsen et al. (2010) membuat kesimpulan bahawa budaya dan faedah sosial perayaan masih kurang dikaji secara sistematik.

Namun, penyelidikan terhadap impak sosial perayaan dan upacara semakin mendapat perhatian sebagai agenda penting kajian (Getz, 2010). Ini terutama sekali perayaan yang berkaitan dengan kebudayaan setempat seperti perayaan orang asal (*Indigenous festivals*) yang kaya dengan keunikan, iaitu fokus kepada sorotan penulisan artikel ini. Perayaan kebudayaan orang asal semakin mendapat perhatian kerana sumbangannya terhadap kelestarian dan identiti komuniti. Misalnya Whitford dan Dunn (2014) memberikan contoh masyarakat orang asal di Papua New Guinea (PNG) menggunakan persembahan dan berwarna-warni budaya warisan, kehidupan, tradisi dan upacara untuk berkomunikasi kepercayaan rohani dan untuk mengamalkan ritual yang memaparkan identiti unik mereka. Daripada aspek pembangunan komuniti di kawasan luar bandar, fokus diberikan kepada kesan perayaan terhadap penyertaan orang asal yang menyumbang kepada kelestarian budaya warisan (Gibson & Stewart, 2009; Whitford & Ruhanen, 2013). Phipps dan Slater (2010) menyatakan perayaan penting kepada komuniti orang asal sebagai penyumbang kepada kesejahteraan dan daya tahan komuniti minoriti.

Walau bagaimanapun, kajian dengan fokus khusus terhadap peranan perayaan sebagai medium toleransi etnik masih terhad. Hasil kajian berkaitan dengan toleransi dan perayaan hanyalah sebagai dapatan sampingan kepada kajian mengenai impak sosial perayaan. Procter (2004) menyatakan perayaan telah berperanan dalam menyatukan komuniti kepada perkongsian identiti sesuatu kawasan. Whitford dan Ruhanen (2013) melalui kajian kes Festival Sukan dan Kebudayaan Tahunan Brisbane mendedahkan faedah sosiobudaya yang positif untuk peserta perayaan, hadirin, dan komuniti orang asli yang lebih luas termasuk pembangunan modal sosial. Van Winkle, Woosnan dan Mohammed (2013) mendapati penyertaan dalam perayaan mampu membina perhubungan emosi dalam komuniti.

Menurut Hughes et al. (2007) perayaan menyediakan konteks kepada potensi penglibatan komuniti dalam perayaan dengan kumpulan yang mungkin tidak mengenali satu sama lain walaupun tinggal di satu kawasan menyebabkan '*people will continue to experience community in diverse and fragmented ways*' (p.217). Maka Hughes et al. (2007) mencadangkan bahawa dengan hanya menyediakan peluang kepada orang ramai untuk mengenali satu sama lain dalam acara sosial seperti perayaan akan meluaskan rasa kekitaan dalam komuniti yang melangkaui perbezaan antara satu sama lain. Menurut Henry (2000), persembahan secara langsung perayaan orang asal bukan sahaja merupakan hiburan semata-mata tetapi satu bentuk perkongsian kepada komuniti lebih luas (Henry, 2000; Slater, 2010). Slater (2010) menyatakan '*festivals are spaces for performing, discussing and negotiating contemporary culture and identity.*' (p. 152).

Seterusnya Svoronos (2012) membincangkan elemen timbal balik (*reciprocity*) sebagai ciri utama perayaan orang asal dan unik kepada lokasi di mana ia diadakan. Timbal balik dikaitkan dengan saling hormat-menghormati dan menggambarkan perhubungan dua hala, kasih sayang dan perkongsian dalam moral orang asal. Serge-Christophe Kolm (2008, p.11) menganggap timbal balik sebagai tindakan 'melayan orang lain sebagaimana mereka melayan anda'. Kolm (2008) mencadangkan peranan unsur timbal balik dalam masyarakat sebagai '*alternative to coercive hierarchy, selfish exchange, and the utopia of unconditional altruism*' (p.2). Fry-Smith (2002) menyatakan bahawa timbal balik antara kumpulan ialah sistem yang mengimbangi keseimbangan sosial dan mengukuhkan kuat 'hubungan peribadi dan kumpulan' (p.15).

Seterusnya Phipps dan Slater (2010) menonjolkan peranan perayaan orang asal sebagai satu elemen penyertaan sosial (*social inclusion*). Misalnya, Croc Festival di Australia memberi peluang murid orang asal dan bukan orang asal terlibat dalam persembahan, aktiviti dan menghargai antara satu dengan lain (Phipps &

Slater 2010). Croc festival merupakan medium untuk bukan orang asal untuk membina 'cultural literacy' tentang budaya orang asal dan ini mempromosikan kesatuan pelbagai kebudayaan setempat dan menjadi sebagai kebudayaan kawasan Torres Strait Island. Seterus, perayaan Garma di Selatan Australia merupakan upacara ritual puak Yolgnu. Namun Garma bukan perayaan ritual semata-mata, ianya merupakan medan pertemuan orang asal Yolgnu dan juga bukan orang asal yang secara tidak langsung memberi kefahaman dan penghormatan kumpulan bukan orang asal kepada budaya hidup puak Yolgnu (Phipps, 2010).

Oana-Elena (2019) dalam kajian mengenai perayaan Riddu Riddu orang Sami di Utara Norway mendapati kehadiran orang Norway ke perayaan tersebut telah membetulkan stereotaip terhadap orang Sami. Perayaan Riddu Riddu memberikan impak sosial apabila "*social connectedness enhanced, and social differences bridged*" dan telah mempertingkatkan hubungan antara budaya (*interculture*). Perayaan puak Sami memperkasakan penyertaan orang asal dan bukan orang asal dengan pengetahuan dan kemahiran puak minoriti dengan populasi majoriti, mencipta persefahaman dan penghargaan kepada budaya masing-masing (Skogvang, 2021). Briggs (2008) pula menceritakan tentang pergeseran dua puak iaitu Boon Wurrung yang tidak menghormati undang-undang Bundjil puak Kulin di Port Philip Bay. Pergeseran itu selesai melalui perdamaian dengan mengadakan perayaan tarian dan sukan bersama-sama. Perayaan tersebut menukar suasana tegang antara puak tersebut kepada aman dan seronok.

Perayaan kebudayaan juga dikatakan sebagai pembina nilai kesejahteraan dalam masyarakat yang mempunyai pelbagai identiti (Ulrich, 1998). Kesejahteraan masyarakat menunjukkan kejelasan penyertaan, perkongsian maklumat merentas sempadan, membina timbal balik sosial, menggunakan simbol, mitos, dan cerita untuk mencipta dan mempertahankan serta mengurus persamaan dan perbezaan supaya komuniti memahami antara satu dengan lain (Wills, 2001). Ciri perayaan sebagai satu pesta sambutan menyediakan peluang kebebasan dan perhubungan dan menggelakkan pengasingan struktur komuniti.

Sebagai kesimpulan, perayaan adalah nadi untuk mengekalkan perhubungan ahli komuniti pelbagai identiti kaum kerana perayaan mempunyai kapasiti untuk mengikat komuniti secara bersama (Derret, 2008). Oleh yang demikian, kajian mengenai peranan perayaan perlu diperluaskan terutama sekali dalam konteks masyarakat pelbagai etnik seperti di negeri Sabah. Selain perayaan berkaitan dengan keagamaan seperti Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha, Hari Natal dan Tahun Baru Cina, Setiap etnik di Sabah terkenal dengan perayaan serta upacara etnik masing-masing.

4. Perayaan Etnik di Sabah

Negeri Sabah terkenal dengan gelaran "Negeri Di Bawah Bayu", bukan sahaja kaya dengan keindahan warisan semulajadi tetapi juga kaya dengan keunikan kepelbagaian etnik dan budaya warisan penduduknya. Empat kumpulan etnik pribumi yang terbesar ialah Kadazandusun, Bajau, Melayu dan Murut dan setiap etnik ini mempunyai adat resam, kebudayaan dan amalan kepercayaan yang berbeza-beza. Secara umumnya, etnik Kadazandusun kebanyakannya beragama Kristian dan etnik Bajau, Murut dan Melayu beragama Islam

Walaupun sesuatu etnik itu boleh dikaitkan dengan agama tertentu, namun masih terdapat etnik Kadazandusun, Murut dan Bajau tidak mempunyai pegangan agama. Malah, khususnya etnik Kadazandusun, kekeliruan timbul kerana mereka bukan sahaja diidentitikan sebagai 'Bumiputera Bukan Islam' atau penganut Kristian, bahkan terdapat yang beragama Islam dan digelar sebagai 'Islam Mualaf' dalam konteks sejarah perkembangan dakwah Islamiah di Sabah (Sintang, 2003). Oleh yang demikian, sempadan etnik iaitu perbezaan antara kumpulan etnik di Sabah sukar dikenal pasti melalui pegangan agama. Ini adalah kerana

agama kurang menggambarkan identiti khusus untuk sesuatu kelompok etnik di Sabah (Hasan, 2007). Identiti sesuatu etnik diwakili boleh oleh ciri lain seperti bahasa dan budaya warisan. Misalnya setiap etnik mempunyai bahasa etnik dan juga budaya warisan turun temurun seperti upacara adat dan perayaan. Walau bagaimanapun, masih kurang penelitian yang memberikan perhatian terhadap isu toleransi dengan mengaitkan kepada budaya secara umumnya, dan perayaan secara khususnya.

Penulisan dan kajian berkaitan perayaan secara umum atau fokus kepada perayaan orang asal sama ada di Malaysia atau Sabah adalah sangat terhad. Walaupun diakui bahawa Sabah kaya dengan keunikan sosio-budaya, namun penulisan tentang perayaan etnik yang secara menyeluruh sukar diperolehi. Kebanyakan maklumat boleh diperolehi secara ringkas daripada iklan promosi untuk pelancongan. Sorotan ini memberikan tumpuan kepada perayaan orang asal yang disambut sehingga ke peringkat negeri Sabah iaitu Kadazandusun-Pesta Kaamatan, Bajau-Regatta lepa dan Murut-Kalimaran.

Etnik Kadazandusun dan Pesta Ka'amatan

Etnik Kadazandusun merupakan kumpulan etnik pribumi yang terbesar di Sabah dan terdiri daripada 12 suku yang dikenali sebagai suku Dusun Papar, Dusun Putatan, Dusun Penampang, Dusun Ranau, Dusun Lotud, Dusun Kiau, Dusun Rungus, Dusun Tagas, Dusun Tempasuk, Dusun Tambunan, Dusun Tatana, dan Dusun Tungku atau Begahak (Miliana, 2011). Etnik Kadazandusun yang tinggal di pantai barat seperti Penampang, Papar, Tuaran, Kiulu, Tamparuli, Tenghilan, Kota Belud dan juga di lembah bukit di Ranau, Tambunan, dan Keningau.

Pesta Kaamatan juga dipanggil Tadau Kaamatan disambut oleh Kadazandusun selepas musim menuai pada bulan Mei. Berdasarkan cerita lisan, *Kinorohingan* (Tuhan) dan isterinya Suminundu mempunyai seorang anak perempuan yang bernama Huminodun yang telah dikorban demi menyelamatkan etnik Kadazandusun daripada kebuluran. Huminodun dikorbankan, dikuburkan mengikut adat dan dipercayai mengeluarkan berjenis-jenis benih tumbuhan, termasuk padi, yang telah menjadi makanan utama kepada etnik Kadazandusun. Maka, timbul kepercayaan bahawa padi mempunyai semangat diberi nama "Bambazon" dan Pesta Kaamatan sebagai upacara menghormati semangat padi (Sharifah Darmia, 2020).

Pesta Kaamatan disambut sepanjang bulan Mei dan kemuncak pada 30 dan 31 Mei setiap tahun. Pesta Kaamatan menjadi satu platform perpaduan kerana pelbagai aktiviti menarik semasa pesta juga dihadiri oleh pelbagai etnik lain (Sharifah Dania, 2020). Sambutan Pesta Kaamatan diserikan dengan pelbagai aktiviti persembahan dan pertandingan. Misalnya persembahan tarian tradisi etnik Kadazandusun iaitu Sumazau yang ditarikan oleh penari lelaki dan perempuan dengan busana pakaian tradisional diiringi oleh muzik peralatan tradisional seperti gong. Terdapat juga pertandingan nyanyian dipanggil Sugandoi, pertandingan ratu cantik 'Unduk Ngadau' dan persembahan pelbagai jenis kraftangan serta makanan Kadazandusun. Menurut Hanafi (2007), Pesta Kaamatan mempunyai fungsi tersirat (*latent functions*) iaitu memupuk perpaduan komuniti melalui sambutan besar-besaran dengan gandingan tenaga bersama.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) juga telah melaksanakan Program Integrasi Komuniti sebagai sebahagian daripada pengisian Pesta Kaamatan. Misalnya, program lawatan sempena Pesta Kaamatan tahun 2016 telah disertai oleh seramai 80 orang peserta terdiri daripada pemimpin dan ketua masyarakat etnik dan Ahli Jawatan Kuasa Rukun Tetangga dari Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pelaksana program ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta berinteraksi ke arah mengeratkan semangat muhibbah dan kerjasama untuk mengukuhkan integrasi nasional, menonjolkan dan membuktikan semangat toleransi dan muhibbah kesediaan rakyat Malaysia berbilang kaum

menerima hari kebesaran kaum lain sebagai perayaan bersama. Antara aktiviti yang dijalankan ialah program keluarga angkat, lawatan ke tempat bersejarah, demonstrasi masakan makanan tradisional, sukaneka dan sebagainya (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional-JPNIN, 2016)

Etnik Bajau dan perayaan Regatta Lepa

Etnik Bajau terkenal dengan Regatta Lepa diadakan pada bulan April setiap tahun. Etnik Bajau yang mempunyai pelbagai suku seperti Bajau Kubang, Bajau Ubian, Bajau Sengkuang, Bajau Sampulna, dan Bajau Simunul yang kebanyakannya menduduki sekitar daerah Semporna Sabah. Perayaan ini merupakan simbol identiti etnik Bajau di Sabah yang menjadikan perahu sebagai alat mencerminkan gaya hidup mereka bukan sahaja untuk tujuan berdagang, menangkap hasil-hasil laut, dan perhubungan (pengangkutan) tetapi juga sebagai tempat kediaman, terutamanya suku Bajau Laut (Palauh). Menurut Ismail (2010) Regatta Lepa telah menjadi tarikan para pengunjung dari dalam dan luar negara yang berpeluang untuk menyaksikan kebudayaan etnik Bajau dan keunikan ukiran lepa yang dihiasi dengan layar '*lamag bua'an*' berwarna-warni yang dikenali sebagai sambulayang, dan bendera kecil yang dikenali sebagai '*lamag tapis-tapis*' dan diiringi dengan irama muzik dan tarian suku kaum Bajau, iaitu Igal-Igal atau tarian Mengalai.

Selain pertandingan lepa, Regatta ini juga turut diserikan lagi dengan pelbagai aktiviti berkonsepkan maritim seperti '*lumba kelle-kelle*', tarik tali perahu, renang, menangkap itik, pertandingan ratu lepa, acara kebudayaan, dan sebagainya. Kemeriahan Regatta Lepa turut diserikan dengan pelbagai iringan muzik, tarian Igal-Igal, dan lagu khas regatta (Ismail, 2010). Regatta lepa telah menjadi acara rasmi dalam kelendar pelancongan negeri Sabah pada 2003. Oleh itu perayaan ini bukan sahaja menarik pelancong luar negara, malah pelancong dalam negara termasuklah dari Semenanjung dan juga penduduk Sabah. Acara pertandingan seperti layar dan perahu tercantik pula disertai oleh pelbagai kampung di Semporna yang mewakili sub-etnik Bajau. Perayaan seperti ini memberi peluang interaksi pelbagai kelompok manusia belajar serta memahami budaya setempat.

Etnik Murut dan Pesta Kalimantan

Pesta Kalimantan terkenal dalam etnik Murut iaitu etnik yang ketiga besar di Sabah. Terdapat 12 pecahan masyarakat Murut yang terdiri Murut Tahol, Murut Gana, Murut Keningau (Nabai), Murut Timugon, Murut Beaufort, Murut Bookan (Tangara), Murut Paluan, Murut Sumambu/Tagal, Murut Kolod (Okolod), Murut Selungai, Murut Sembakung, Murut Kalabakan dan Murut Serudung (Spitzack 1984:187-189). Etnik Murut juga mempunyai pelbagai kepercayaan yang diterjemahkan dalam bentuk adat resam yang diwarisi turun temurun. Salah satu pesta utama ialah Kalimantan, namun sukar untuk mendapatkan penulisan akademik tentang pesta ini. Pesta Kalimantan adalah perayaan utama yang di sambut sekitar bulan Mac setiap tahun. Perayaan tersebut telah diangkat sebagai perayaan peringkat negeri Sabah pada tahun 2003 dan disambut di kawasan majoriti etnik Murut di Tenom, Keningau, Nabawan, Sook, Pegalungan, Kemabong, Sipitang dan Pesiangan. Kemuncak sambutan terbesar di adakan di Pusat Kebudayaan Murut Tenom pada setiap 31 Mac setiap tahun.

Perkataan Kalimantan merujuk kepada aktiviti pembuatan kraftangan Murut yang berasal daripada perkataan rala dan alimar. Ralaa adalah wanita muda bernama Ralaa dan alimar adalah gigih berkerja, minda kuat, tekun dan boleh dipercayai. Pesta Kalimantan adalah berdasarkan legenda etnik Murut. Ralaa telah dikorbankan oleh abangnya bernama Yolomor kerana percaya bahawa boleh membawa kebaikan kepada seluruh masyarakat di kampungnya. Sebelum dikorbankan, Ralaa telah menghasilkan pelbagai kraftangan seperti


tikar, silaung, tikalis, buyung, lontoyong dan onot dengan menggunakan bahan hutan seperti buluh, rotan dan bambu. Hasil kraftangan terakhir Ralaa ialah tenunan kain Sampo dengan menggunakan benang dari pokok Timahan. Akhirnya Ralaa dikorbankan oleh abangnya, dikuburkan mengikut adat dan dipercayai telah tumbuh benih untuk ladang pertanian. Perayaan ini disambut dengan pelbagai acara berteraskan kesenian seperti pembuatan kraftangan, masakan, nyanyian dan tarian.

Tiga perayaan orang asal yang dibincangkan dalam sorotan ini menunjukkan setiap etnik mempunyai sambutan perayaan yang mempunyai ciri-ciri keunikan yang menggambarkan identiti etnik masing-masing. Perayaan diisi dengan pelbagai aktiviti yang bukan sahaja untuk hiburan, tetapi juga mempunyai cerita serta moral sebaliknya yang boleh memberikan peluang kepada etnik lain untuk memahami, menghargai serta menghormati antara satu sama lain. Pemahaman tentang peranan perayaan sebagai platform toleransi ini boleh diperhalusi lagi dengan menggunakan Teori Tingkah Laku Terancang yang biasa digunakan oleh pengkaji untuk memahami tingkah laku manusia. Dalam konteks kajian ini tingkah laku adalah merujuk kepada toleransi dengan mengaitkan kepada perayaan etnik orang asal.

5. Teori Tingkah Laku Terancang

Teori Tingkah Laku Terancang atau kenali dengan singkatan TPB (*Theory of Planned Behaviour*) memberikan fokus kepada niat yang menjadi pendorong kepada tingkah laku (Ajzen, 1985). Seseorang memasang niat untuk melakukan sesuatu iaitu menunjukkan keazaman atau usaha untuk melakukan sesuatu. Niat tersebut adalah didorong oleh tiga elemen utama iaitu sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku. Mengambil kira ketiga-tiga elemen tersebut, tingkah laku seseorang adalah “keputusan yang ditentukan oleh sikap terhadap tingkah laku itu atau persepsi tentang faktor sekelilingnya seperti kebaikan atau kerugian yang disebabkan oleh tingkah laku itu (sikap), tekanan sosial yang menyokong atau menentangnya (norma subjektif), dan kebolehcapaian atau kesukaran yang boleh dialami dalam melaksanakan tingkah laku itu (kawalan tingkah laku) (Marcati, Guido, & Peluso, 2008). Ketiga-tiga elemen tersebut dipengaruhi oleh kepercayaan seperti ditunjukkan pada Rajah 1. Kepercayaan adalah maklum balas kognitif dan menggambarkan pengetahuan dan pandangan seseorang tentang sesuatu perkara.

Rajah 1. Teori Tingkah laku Terancang



Sumber: Rimer & Glanz (2005), p.17

Elemen sikap

Elemen sikap sering kali diterangkan sebagai meliputi kepercayaan (*belief-cognitive*), perasaan (*feeling-affective*) dan tingkah laku (*behaviour*) atau dirujuk sebagai komponen kognitif, afektif dan tindakan (Kennedy & Kennedy, 1996). Walau bagaimanapun menurut Ajzen (1991) memisahkan tiga elemen ini menimbulkan kekeliruan dalam penerangan mengenai sikap kerana ketiga-tiga elemen tersebut tidak terpisah tetapi mempunyai perkaitan. Kepercayaan adalah maklum balas kognitif dan menggambarkan pengetahuan seseorang tentang sesuatu perkara. Kepercayaan terhadap tingkah laku melibatkan dua aspek. Aspek pertama ialah pandangan atau pegangan terhadap tingkah laku sama ada positif atau negatif. Aspek kedua ialah penilaian terhadap kesan tingkah laku tersebut sama ada baik atau sebaliknya (Armitage & Conner, 1999). Kesan tersebut dinyatakan dalam bentuk jangkaan hasil yang akan diperolehi daripada tingkah laku tersebut. Menurut Ajzen kepercayaan tingkah laku ini akan mempengaruhi sikap (afektif) seseorang terhadap tingkah laku tersebut seperti perasaan suka, rasa gembira, rasa hormat, rasa menghargai atau sebaliknya. Sikap ini seterusnya akan mempengaruhi niat seseorang untuk melaksanakan tingkah laku tersebut. Misalnya mereka yang merasa selesa dan gembira akan cenderung kepada niat untuk melaksanakan tingkah laku tersebut dan sebaliknya untuk individu yang mempunyai padangan sikap negatif (Ajzen, 1991).

Elemen norma subjektif

Elemen pertama 'sikap' memberi gambaran bahawa sikap mempunyai pengaruh terhadap tingkah laku seseorang. Walau bagaimanapun, menurut Ajzen (1991) terdapat juga situasi seseorang menunjukkan sikap yang positif, namun tidak menunjukkan tingkah laku yang dikehendaki. Kennedy dan Kennedy (1996) memberikan contoh mengenai tingkah laku kitar semula. Individu mempunyai kepercayaan bahawa sangat penting untuk kelestarian alam (kepercayaan terhadap tingkah laku), namun tidak mengamalkan kitar semula dalam kehidupan hariannya. Menurut Ajzen, ini boleh disebabkan elemen norma subjektif yang boleh mengatasi sikap dalam menentukan tingkah laku. Elemen norma subjektif mempunyai kaitan dengan tekanan normatif yang datang daripada kepercayaan yang terbentuk daripada cerapan seseorang terhadap cara orang sekeliling memberikan maklum balas terhadap sesuatu tingkah laku. Kepercayaan terhadap penerimaan yang datang daripada orang-orang penting di persekitaran individu seperti rakan sebaya, keluarga, komuniti setempat dan rakan sekerja.

Pengaruh interpersonal tersebut boleh dilihat sama ada setuju atau tidak setuju dengan sesuatu tingkah laku. Terdapat individu yang mempunyai sikap yang positif terhadap sesuatu tingkah laku namun pengaruh orang sekeliling yang kelihatan seperti tidak menyukai tingkah laku tersebut boleh mempengaruhi niat sama ada untuk melaksanakan tingkah laku tersebut atau tidak (Ajzen, 1991). Mengambil contoh sikap terhadap kitar semula oleh Kennedy dan Kennedy (1996), walaupun seseorang percaya kitar semula penting untuk kelestarian alam (kepercayaan terhadap tingkah laku), namun dia tidak melihat orang sekeliling mementingkan perkara ini sebab banyak sampah dibuang merata tempat, maka ini akan membentuk kepercayaan bahawa orang awam tidak mementingkan alam sekitar. Maka ini akan menjejaskan niat untuk kitar semula demi kelestarian alam kerana merasa mustahil untuk dicapai jika ramai yang tiada kesedaran.

Elemen tanggapan kawalan tingkah laku

Tanggapan kawalan tingkah laku merupakan elemen baru yang ditambah kepada teori asal TPB iaitu Theory of Reasoned Action (TRA) oleh Fishbein and Ajzen (1975). TRA didapati mempunyai limitasi untuk meramal tingkah laku apabila seseorang berhadapan dengan situasi di luar kawalan (Ajzen, 2002). Elemen tanggapan

kawalan tingkah laku merupakan keyakinan seseorang kepada kebolehcapaian tingkah laku itu berdasarkan pertimbangan yang dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran (Kobbeltvedt & Wolff, 2009). Elemen ini memberi fokus kepada kepercayaan individu mengenai keberadaan faktor yang melemahkan atau menguatkan mereka untuk bertindak. Faktor tersebut boleh meliputi efikasi sendiri dan jangkaan peluang untuk berjaya melaksanakan tingkah laku tersebut (Ajzen, 1991). Efikasi sendiri merupakan faktor dalaman iaitu keyakinan diri mampu bertindak dan akan berjaya melaksanakan. Individu lebih terdorong kepada sesuatu tingkah laku jika mereka merasa yakin ianya boleh dicapai (Bandura, 1997).

Seterusnya, faktor luaran seperti keberadaan situasi persekitaran atau sumber yang boleh membantu pelaksanaan tingkah laku. Kedua-dua aspek tanggapan dalaman dan luaran ini mempengaruhi niat seseorang bertindak atau sebaliknya. Contoh tingkah laku kitar semula oleh Kennedy dan Kennedy (1996) misalnya seseorang mungkin merasakan tidak yakin dapat kitar semula sebab dia seorang yang pemalas, dan pelupa (dalaman). Faktor luaran pula ialah seperti kurangnya kemudahan seperti tong sampah kitar semula, tiada undang-undang tegas, yakni perkara tersebut diluar kawalan individu tersebut. Maka tanggapan ini akan menjejaskan niat untuk kitar semula dan sebaliknya. Dalam situasi tertentu jika tanggapan kawalan cukup kuat, maka seseorang akan terus bertindak tanpa melalui fasa niat.

Ketiga-tiga konstruk tersebut akan mencetuskan niat (*intention*) untuk menggerakkan tingkah laku sebenar (Ajzen, 1991). Walau bagaimanapun dalam situasi tertentu, iaitu apabila seseorang individu mampu mengenal pasti dan mengawal sepenuhnya tingkah laku yang dikehendaki, maka tanggapan kawalan tingkah laku akan terus mendorong kepada melaksanakan tingkah laku dikehendaki tanpa melalui niat.

Jadual 1. Definisi ringkas setiap pembolehubah dalam TPB

Konsep	Definisi	Penerangan
Niat tingkah laku <i>Behavioral intention</i>	Persepsi berdasarkan kepada kepercayaan dan penilaian terhadap baik buruk tingkah laku tersebut	Perluakah atau tidak anda bertingkah laku sedemikian?
Sikap	Penilaian sendiri terhadap tingkah laku tersebut	Adakah tingkah laku tersebut baik atau buruk?
Norma subjektif	Keyakinan terhadap respon orang lain sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dengan tingkah laku tersebut	Adakah anda bersetuju/tidak setuju dengan respon bersetuju/tidak setuju orang lain terhadap tingkah laku itu
Tanggapan kawalan tingkah laku	Keyakinan dalaman dan luaran terhadap tingkah laku tersebut	Adakah anda yakin pada diri sendiri (<i>self efficacy</i>) tingkah laku itu boleh dicapai? Adakah anda yakin terhadap ketersediaan perkara-perkara yang perlu untuk melaksanakan tingkah laku tersebut?

Sumber: Adaptasi daripada Rimer dan Glanz (2005, p.17)

6. Toleransi Etnik Melalui Perayaan Daripada Perspektif TPB


Aplikasi TPB dibincangkan mengikut tiga elemen utama iaitu sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku toleransi etnik melalui perayaan orang asal.

Sikap terhadap toleransi etnik melalui perayaan

Elemen sikap ini boleh digunakan untuk memahami perkaitan antara toleransi sebagai tingkah laku dan perayaan orang asal sebagai subjek yang mendorong kepada tingkah laku. Dalam konteks fokus sorotan ini, kepercayaan terhadap toleransi etnik melalui perayaan boleh dilihat daripada dua aspek iaitu (i) kognitif atau pemikiran dan (ii) penilaian sendiri terhadap baik atau buruk kesan toleransi etnik kepada sambutan perayaan kebudayaan etnik. Kedua-dua aspek ini boleh dilihat dalam konteks positif atau negatifnya pemikiran dan penilaian tersebut seperti dalam Rajah 2. Misalnya, pemikiran positif misalnya berpendapat ‘perlu kebebasan atau hak kepada etnik masing-masing menyambut perayaan mereka’ (kognitif). Menurut Phipps dan Slater (2010) perkongsian identiti etnik yang memberi pemahaman atau ‘*cultural* tentang budaya orang lain boleh membina pemikiran positif terhadap kepelbagaian sambutan perayaan.

Seterusnya aspek kedua iaitu penilaian terhadap kesan baik buruk toleransi etnik terhadap perayaan. Misalnya, penilaian positif ‘melalui toleransi etnik individu boleh menyambut perayaan etnik tanpa gangguan etnik lain’. Kedua-dua pemikiran dan penilaian positif ini akan mempengaruhi sikap positif individu seperti perasaan suka, menghargai dan menghormati perayaan etnik lain. Perayaan boleh membina perhubungan emosi dalam komuniti (Van Winkle, Woosnan & Mohamed, 2013) dan menimbulkan perasaan kekitaan dan saling menghormati (Hughes et al., 2007) dan menjadi elemen penyatuan sosial (Phipps & Slater, 2010). Sikap positif ini seterusnya akan mempengaruhi niat untuk bertoleransi terhadap perayaan etnik lain dan niat ini akan mendorong kepada toleransi etnik melalui perayaan iaitu penerimaan individu terhadap sambutan perayaan etnik lain. Perayaan mampu mengekalkan perhubungan ahli komuniti pelbagai identiti kaum kerana perayaan mempunyai kapasiti untuk mengikat komuniti secara bersama (Derret, 2008).

Rajah 2. Aplikasi model TPB elemen sikap terhadap toleransi etnik melalui perayaan



Sumber: Olahan penyelidik (2022)

Sebaliknya, perasaan kebimbangan timbul ekoran daripada kepercayaan tingkah laku yang negatif. Stephen dan Stephen (1985) menggunakan istilah *intergroup anxiety* untuk menerangkan kesan daripada kebimbangan termasuklah kurang kesedaran, berat sebelah, emosi negatif dan penilaian yang tidak adil. Ini semua akan membawa kepada penolakan terhadap kumpulan yang mempunyai fahaman, pegangan, amalan yang berbeza daripada individu tersebut. Agius dan Ambrosewicz (2003) menyenaraikan beberapa indikator kepada sikap tidak bertoleransi seperti berikut:

Jadual 2. Indikator kepada sikap tidak bertoleransi

Stereotaip <i>Stereotyping</i>	Memerihalkan semua ahli kumpulan sebagai dicirikan oleh sesuatu atribut dan biasanya negatif.
Mengusik/ganggu <i>Teasing</i>	Menyebut perhatian kepada corak tingkah laku manusia tertentu, sifat dan ciri untuk mengejek atau menghina
Prasangka <i>Prejudice</i>	Penghakiman berdasarkan generalisasi dan stereotaip negatif dan bukannya berdasarkan fakta sebenar kes atau tingkah laku khusus seseorang individu
Kambing hitam/ <i>Scapegoating</i>	Menyalahkan peristiwa traumatik atau masalah sosial pada kumpulan tertentu
Diskriminasi/ <i>Discrimination</i>	Pengecualian daripada faedah dan aktiviti sosial atas dasar prejudis
Pengasingan <i>Ostracism</i>	Berkelakuan seolah-olah yang lain tidak hadir atau tidak wujud. Keengganan untuk bercakap dengan atau mengakui orang lain atau budaya mereka
Gangguan/paksaan <i>Harassment</i>	Tingkah laku yang disengajakan untuk menakut-nakutkan dan merendahkan orang lain, selalunya bertujuan untuk memaksa mereka keluar daripada komuniti, organisasi atau kumpulan
Membuli / <i>Bullying</i>	Penggunaan kapasiti fizikal yang lebih tinggi atau bilangan yang lebih besar untuk mengaibkan orang lain menghalang mereka daripada keutamaan atau status atau memaksa mereka melakukan tindakan tertentu
Pengecualian/ <i>Exclusion</i>	Menafikan kemungkinan untuk memenuhi keperluan asas dan/atau mengambil bahagian sepenuhnya dalam masyarakat, kerana saya khususnya aktiviti komunal
Pengasingan/ <i>Segregation</i>	Pengasingan secara paksa orang yang berlainan kaum, agama atau jantina, biasanya merugikan satu kumpulan
Penindasan <i>Repression</i>	Menafikan hak untuk menikmati hak asasi manusia.

Sumber: Agius dan Ambrosewicz (2003), pp. 27-28.


Norma Subjektif terhadap toleransi etnik melalui perayaan

Norma subjektif dalam konteks toleransi etnik melalui perayaan adalah keputusan atau tingkah laku yang bukan disebabkan oleh diri sendiri tetapi dipengaruhi oleh orang di sekeliling. Seseorang mungkin mempunyai sikap tingkah laku yang positif (elemen sikap), namun pengalaman daripada apa yang dicerap terhadap mereka

di sekeliling tidak meyokong kepada sikap positif terhadap toleransi etnik melalui perayaan. Misalnya dalam Rajah 3, menunjukkan apabila ada sambutan perayaan etnik, individu mendapati orang di sekeliling hanya fokus untuk berseronok dan tidak kisah dengan toleransi etnik. Malah terdapat perayaan tertutup dan tidak boleh dihadiri oleh etnik lain. Ini memberikan indikator kepada individu bahawa orang sekeliling tidak ber-setuju atau minat dengan idea toleransi etnik melalui perayaan. Ini boleh melemahkan niat terhadap toleransi etnik melalui perayaan.

Sebaliknya, persekitaran yang menyokong boleh dilihat daripada Svoronos (2012) yang mengambil contoh kepada nilai toleransi yang tersirat dalam konsep timbal balik yang sering dipaparkan dalam perayaan orang asal. Ciri timbal balik ini boleh memberikan gambaran bahawa toleransi ini merupakan satu amalan dan gaya hidup dalam masyarakat. Begitu juga dengan sambutan perayaan etnik peringkat negeri, misalnya, memerlukan kerjasama pelbagai pihak yang datang dari pelbagai kaum, untuk menjamin kejayaan pelaksanaan. Persekitaran begini memberikan gambaran bahawa nilai toleransi iaitu penerimaan kepada perbezaan diraikan dalam masyarakat. Maka persekitaran ini boleh menguatkan lagi kepercayaan terhadap toleransi etnik melalui perayaan dan seterusnya mendorong kepada niat dan tingkah laku toleransi etnik.

Rajah 3. Aplikasi model TPB elemen norma subjektif terhadap toleransi etnik melalui perayaan




Sumber: Olahan pengkaji (2022)

Tanggapan Kawalan Tingkah Laku dalam toleransi etnik melalui perayaan

Tanggapan kawalan toleransi etnik melalui perayaan meliputi dua perkara. Pertama ialah keyakinan sendiri atau *self efficacy* iaitu aspek dalaman seperti sifat diri semulajadi memang suka bergaul dengan orang tanpa mengira etnik atau sebaliknya. Kedua ialah kawalan sumber iaitu aspek luaran yang mungkin menghalang toleransi etnik dalam perayaan boleh dibudayakan. Misalnya individu mempunyai masa, pengetahuan serta kemudahan untuk terlibat sama membantu atau memeriahkan perayaan etnik lain. Sebaliknya terdapat individu yang tidak mempunyai kesempatan akibat kesibukan kerja, atau kesukaran untuk mengunjungi perayaan etnik lain disebabkan lokasi yang jauh di pedalaman dan tiada kemudahan pengangkutan seperti jalan raya dan kenderaan. Ini akan menjejaskan keyakinan individu untuk merealisasikan idea toleransi etnik melalui perayaan (Rajah 4).

Rajah 4. Aplikasi model TPB elemen tanggapan kawalan tingkah laku terhadap toleransi etnik melalui perayaan




Sumber: Olahan pengkaji (2022)

Sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan toleransi etnik melalui perayaan

Rajah 5 menunjukkan perhubungan secara keseluruhan elemen sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku toleransi etnik melalui perayaan.

Rajah 5. Aplikasi model TPB dalam toleransi etnik melalui perayaan



Sumber: Olahan pengkaji (2022)

Kesimpulan

Sorotan kajian ini bertujuan untuk membincangkan peranan perayaan sebagai medium toleransi etnik dengan mengaitkan kepada Teori Tingkah Laku Terancang (TPB). Sebelum aplikasi TPB dibincangkan, sorotan kajian terlebih dahulu memberikan kefahaman kepada konsep-konsep utama seperti toleransi, toleransi etnik, perayaan dan perayaan orang asal. Seterusnya perbincangan tentang TPB dan aplikasi TPB dalam kajian peranan perayaan sebagai medium toleransi etnik. Hasil sorotan ini menunjukkan perayaan orang asal sering dijadikan sebagai tarikan pelancongan. Namun, sambutan perayaan orang asal bukan sahaja dihadiri pelancong, malah dihadiri oleh masyarakat setempat yang terdiri dari pelbagai etnik yang meraikan bersama. Perayaan menjadi platform pertemuan yang membolehkan ahli masyarakat mengenali antara satu sama lain dan memupuk perasaan saling memahami. Hasil sorotan ini juga mendapati melalui tiga elemen TPB iaitu sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku dapat membantu pemahaman tentang peranan perayaan dalam memupuk nilai toleransi etnik. Perbincangan mengenai toleransi etnik melalui perayaan memperkayakan lagi bidang kajian mengenai toleransi etnik yang kebanyakannya berkisar dalam konteks toleransi agama sahaja. Berpandukan TPB, penelitian terhadap toleransi etnik melalui perayaan dapat dilakukan dengan lebih bersistematik.

Penghargaan: Terima kasih dan penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah kerana telah memperuntukkan Skim Geran Dana Khas SDK0328-2019 bagi menjalankan dan menjayakan kajian ini.

Persetujuan Termaklum: Persetujuan telah di perolehi daripada semua individu atau subjek yang menyertai kajian ini.

Konflik Kepentingan: Artikel ini tiada konflik kepentingan dengan mana mana pihak.

Rujukan

- Agius & Ambrosewicz, J. (2003). *Toward the culture of tolerance*. Montreal, Canada: International Bureau for Children's Right.
- Ahmad Tarmizi Talib, Sarjit Singh Gill, Razaleigh, Muhamat Kawangit, & Puvaneswaran Kunasekaran. (2013). Religious Tolerance: The Key between One ASEAN One Community. *Life Science Journal*, 10(4), 1382–1385.
- Ahmad Tarmizi Talib. (2010). *Socio-Religious Tolerance: Malaysia as a Case Study*. (Tesis PhD, tidak diterbitkan). Lampeter: University of Wales Lampeter.
- Ajzen, I. (1985). From Intentions to Actions: A Theory of Planned Behavior. In J. Kuhl & J. Beckmann (Eds.), *Action Control: From Cognition to Behavior* (pp. 11–39). Heidelberg, Germany: Springer.
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179–211.
- Ajzen, I. (2002). Perceived behavioral control, self-efficacy, locus of control, and the theory of planned behavior. *Journal of Applied Social Psychology*, Vol. 32 No. 4, pp. 665-683.
- Almond, G. A., & Verba, S. (1989). *The civic culture*. California: SAGE Publications Inc
- Amat, A. (2021). Hubungan Etnik di Sabah: Satu Kajian terhadap Cerpen-Cerpen Terpilih penulis Sabah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 44-54. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.4.2021>

- American Psychological Association. (2007). *APA Dictionary of Psychology*. California: American Psychological Association.
- Armitage, C. J., & Conner, M. (1999c). Predictive validity of the theory of planned behaviour: The role of questionnaire format and social desirability. *Journal of Community and Applied Social Psychology*, 9, 261–272.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. New York: W. H. Freeman & Co.
- Biaett, V. (2015). Organic Festivity: A Missing Ingredient of Community Festival. In A. Jepson, A. Clarke (Eds.) *Exploring Community Festivals and Events*, New York: Routledge.
- Brass, P. (1991). *Ethnicity and nationalism: Theory and comparison*. Sage, New Delhi, 1991
- Briggs, C. (2008). Boonwurrung Arweets. *Voice of the Land*, (38), 14-15.
- Bowden, G., I. McDonnell, J. Allen & W. O'Toole (2001). *Events Management*. Oxford: Butterworth-Heinemann.
- Carlsen, J., Andersson, T.D., Ali-Knight, J., Jaeger, K. & Taylor, R. (2010). Festival management innovation and failure. *International Journal of Event and Festival Management*, 1, 120-131.
- Cheah, B. K. (2004). The challenge of ethnicity; Building a nation in Malaysia. In B. K. Cheah (Ed.). 1st edn. (p. 170). Singapore: Marshall Cavendish International.
- Corneo, G., & Jeanne, O. (2009). A Theory of tolerance. *Journal of Public Economics*, 93(5), 691–702
- Denyer, D. & Tranfield, D. (2009) Producing a Systematic Review. In: Buchanan; D. and Bryman, A., Eds., *The Sage Handbook of Organizational Research Methods* (pp.671-689). London: Sage.
- Derrett, R. (2008). Regional festivals nourishing community resilience: The nature and role of cultural festivals in Northern Rivers NSW communities (Doctoral dissertation, unpublished). Southern Cross University, Lismore, NSW. Retrieved from <http://epubs.scu.edu.au/theses/90>
- Oana-Elena Sarghe (2019). Cultural Sustainability in indigenous people's festival: Cultural impact of Riddu Riddu Festival, Norway (Master Thesis, Unpublished). University of Jyväskylä.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, attitude, intention, and behavior: An introduction to theory and research*. Boston, MA: Addison-Wesley.
- Florida, R. (2003). Cities and the Creative Class. *City and Community*, 2(March), 3–19.
- Fry-Smith, S. (2002). *Western Australian Aboriginal Benchmark*. Perth, WA: Department of the Attorney General.
- Frisby, W. & Getz, D. (1989). Festival Management: A Case Study Perspective. *Journal of Travel Research*, 28, 7-11.
- Frost, W. & Laing, J. (2015). Avoiding burnout: the succession planning, governance and resourcing of rural tourism festivals. *Journal of Sustainable Tourism*, 1-20.
- Getz, D. (2007). *Events studies, theory, research and policy for planned events*. Amsterdam, Netherlands: Elsevier.
- Getz, D. (2010). The Nature and Scope of Festival Studies. *International Journal of Event Management Research*, 5(1), 1-47. Retrieved from <http://www.ijemr.org/docs/Vol5-1/Getz.pdf>
- Getz, D., Andersson, T.D. & Larson, M. (2006). Festival Stakeholder Roles: Concepts and Case Studies. *Event Management*, 10, 103-122.
- Getz, D., Andersson, T.D. and Carlsen, J. (2010). Festival management studies. *International Journal of Event and Festival Management*, 1, 29-59.

- Gibson, J. L., & Gouws, A. (2001). Making tolerance judgments : The effects of context , local and national. *The Journal of Politics*, 63(4), 1067–1090.
- Gibson, C. & A. Stewart (2009). Reinventing rural places: The extent and impact of festivals in rural and regional Australia. Available at:<http://www.uow.edu.au/content/groups/public/@web/@sci/@eesc/documents/doc/uow060229.pdf>
- Grunwell, S. & Ha, I.S. (2007). Film Festivals: An Empirical Study of Factors for Success. *Event Management*, 11, 201-210.
- Hall, C. (1989). The definition and analysis of hallmark tourist events. *GeoJournal*, 19 (3), 263-268.
- Hanafii Hussin 2007. Ritual, identiti dan perubahan di Pantai Barat Sabah. Pengalaman komuniti Kadazan Penampang. *Jati*, 12, 189-210.
- Haralambos, M., & Holborn, M. (2008). *Sociology Themes and Perspectives* (7th ed.). London: HarperCollins Publishers Limited.
- Hasan Mat Noor (2007). Agama dan hubungkaitnya dengan toleransi etnik di Sabah dalam Sabihah Osman. *Toleransi etnik dan perpaduan sosial di Negeri Sabah*. Laporan Penyelidikan IRPA. Tidak diterbitkan.
- Henry, R. (2000). Festivals. In K. Kleinert & M. Neale (Eds.), *The Oxford companion to aboriginal art and culture* (pp. 286-287). Melbourne, VIC: Oxford University Press
- Hughes, P., Black, A., & Kaldor, P. (2007). *Building stronger communities*. Sydney, NSW: UNSW Press.
- Institute for Economics & Peace. (2020). Global Peace Index 2020: Measuring Peace in a Complex World, Sydney, June 2020. Available from: <http://visionofhumanity.org/reports>.
- Ismail Ali (2010). Pembudayaan Lepa dan Sambulayang dalam Kalangan Suku Kaum Bajau di Semporna, Sabah, Malaysia: Satu Penelitian Semula. *SOSIOHUMANIKA*, 3(2), 193-208.
- Ismail Yusof. (2004). *Politik dan agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jaffary Awang. (2003). Toleransi agama dan perpaduan kaum, pandangan intelek: satu observasi ringkas. dlm. *Agama dan perpaduan kaum di Malaysia*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). *Lawatan integrasi komuniti sempena Pesta Kaamatan (2016)*. <https://www.jpnn.gov.my/ms/pusat-media/berita-perpaduan/lawatan-integrasi-komuniti-sempena-pesta-kaamatan-tahun-2016>.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled. (2008). Toleransi beragama dan amalnya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 27, 81–92
- Kennedy C. & Kennedy J. (1996). Teacher Attitude and Change Implementation. *System*, 24, (3), 351-360.
- Kluckhohn, C. (1951). The Concept of Culture. In D. Lerner & H. D. Laswell (Eds.), *The Policy Science*. Stanford: Stanford University Pres
- Kobbeltvedt, T. & Wolff, K. (2009). The Risk-as-feelings hypothesis in a Theory-of-Planned-Behaviour perspective. *Judgment and Decision Making*, 4(7), 567-586.
- Kolm, S. C. (2008). *Reciprocity: An economics of social relations*. UK: Cambridge University Press.
- Linton, R. (1945). Present world conditions in cultural perspective. In R. Linton (Ed.), *The Science of Man in World Crisis*. New York: Columbia University Press.
- Lindberg, B. C. (1996). Culture: A neglected aspect of war. USMC: CSC. Retrieved from <http://www.au.mil/au/awc/awcgate/usmc/lindberg.htm>.
- Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah. *Pelan strategik 2020-2025*, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar. Kota Kinabalu, Sabah.

- Marcati, A., Guido, G. & Peluso, A. M. (2008). The Role of SME Entrepreneurs' Innovativeness and Personality in the Adoption of Innovations. *Research Policy*, 37, 1579-1590. <http://dx.doi.org/10.1016/j.respol.2008.06.004>
- Mason, M.C. & Paggiaro, A. (2012). Investigating the role of festivalscape in culinary tourism: The case of food and wine events. *Tourism Management*, 33, 1329-1336.
- Miliana Kagus (2011). Fungsi dan ritual yang berkaitan dengan tarian Sumazau kaum Dusun, di Sabah, (Tesis Sarjana Muda, tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). Religious tolerance in Malaysia: An overview. *Middle East Journal of Scientific Research*, 9(1), 23–27.
- Muzium Sabah. (2002). Latar belakang negeri Sabah. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Sabah.
- Nur Farhana Abdul Rahman & Khadijah Mohd Khambali@Hambali. (2013). Religious Tolerance in Malaysia: Problems and Challenges. *International Journal of Islamic Thought*, 3, 81-91.
- Nurse K. & J. Tull (2005). *An Economic Impact Assessment of Pirates Week, Cayman Islands*. Cayman Islands: Pirates Week Secretariat.
- Nurse K. & J. Tull (2006). *The World Creole Music Festival: An Economic Impact Assessment*. Dominica: Dominica National Development Commission.
- Persell, C. H., Green, A. & Gurevich, L. (2001). Civil Society, Economic Distress, and Social Tolerance. *Sociological Forum*, 16(2), 2–3.
- Phipps, P. & Slater, L. (2010) *Indigenous cultural festivals: evaluating the impact on community health and wellbeing*. Melbourne, VIC: Globalism Research Centre, RMIT University.
- Phipps, P. (2010). Performances of power: Indigenous cultural festivals as globally engaged cultural strategy. *Alternatives: Global, Local, Political*, 35(3), 217-240.
- Prentice, R. & Andersen, V. (2003). Festival as creative destination. *Annals of Tourism Research*, 30, 7-30.
- Procter, D. (2004). Building community through communication: The case for civic communion. *Journal of the Community Development Society*, 35(2), 53-72.
- Quinn, B. (2006). Problematizing 'Festival Tourism': Arts festivals and sustainable development in Ireland. *Journal of Sustainable Tourism*, 14, 288-306.
- UNESCO. (2003) Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage, 32nd Session. Paris, Fr: Convention for the Safeguarding of Intangible Cultural Heritage, UNESCO.
- UNESCO. (2009). Intangible Cultural Heritage Domains. Retrieved from <http://www.unesco.org/culture/ich/doc/src/01857-EN.pdf>
- UNESCO (2015). *Festival Statistics: Key concept and Current Practices*. UNESCO Framework for Cultural Statistics Handbook No.3.
- Ulrich, D. (1998). Six practices for creating communities of value, not proximity. In F. Hesselbein, M. Goldsmith, R. Beckhard, & R. F. Schubert (Eds.), *The community of the future* (pp. 155–166). San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- United Nations Children's Fund (UNICEF) (2000). *The Two faces of education in ethnic conflict: Toward a peacebuilding Education for Children*. Siena Italy: Bernard & Co.
- Rimer, B. K., & Glanz, K. (2005). *Theory at a glance: A Guide for Health Promotion Practice*. National Cancer Institute.
- Saleh, F. & Ryan, C. (1993). Jazz and knitwear: Factors that attract tourists to festivals. *Tourism Management*, 14, 289-297.

- Slater, L. (2010). Calling our spirits home: Indigenous cultural festivals and the making of a good life. *Cultural Studies Review*, 16, 143-154.
- Sharifah Darmia Sharif Adam. (2020). Pengaruh Budaya dalam Keharmonian Etnik di Sabah. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan kemanusiaan ke 5 (PASAK5 2020)*. 24-25.
- Sintang, Suraya (2003). Penganutan Agama Islam dan Kristian di kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Jurnal Usulussin, bil 18*, 59-80.
- Spitzack, John. A (ed.). 1984. *The Murutic Language Family. Languages of Sabah: A Survey Report*. Australia: The Australian National University
- Stavenhagen, R. (1994). *Double jeopardy: The children of ethnic minorities*, Innocenti Occasional Paper, CRS 10. UNICEF International Child Development Centre.
- Stephan, W. G., & Stephan, C. W. (1985). Intergroup anxiety. *Journal of Social Issues*, 41(3), 157–175. <https://doi.org/10.1111/j.1540-4560.1985.tb01134.x>
- Svoronos B.J. (2012). *Local identity global focus* (Doctoral Thesis, Unpublished). RMIT University, Australia.
- Skogvang B. O. (2021). Development of cultural and environmental awareness through Sami outdoor life at Sami/ Indigenous Festivals. *Original research, July 2021.3*, 1-16.
- Song, Z., Xing, L. & Chathoth, P.K. (2014). The effects of festival impacts on support intentions based on residents' ratings of festival performance and satisfaction: a new integrative approach. *Journal of Sustainable Tourism*, 23, 316-337.
- Tull, J. (2003). *Rationale for de Bacchanal! The economics of festivals in the Caribbean*. Tourism Studies Unit, University of Guyana.
- Van Winkle, C., Woosnan, K. & Mohammed, A. (2013). Sense of community and festival attendance. *Event Management*, 17, 155–163.
- Williams, J. C. & Lynn, S. J. (2010). Acceptance: an historical and conceptual review. *Imagin. Cogn. Pers.* 30, 5–56. doi: 10.2190/IC.30.1.c
- Wills, J. (2001). *Just, vibrant and sustainable communities, a framework for progressing and measuring community wellbeing*. Local Government Community Services of Australia, Townsville.
- Wilson, Juliette, Arshed, Norin, Shaw, Eleanor & Pret, Tobias (2017). Expanding the domain of festival research: a review and research agenda. *International Journal of Management Reviews*, 19 (2). 195-213. ISSN 1460-8545
- Whitford, M. & Ruhanen, L. (2013). Indigenous Festivals and Community Development: A Sociocultural Analysis of an Australian Indigenous Festival. *Event Management*, 17, 49-61.
- Whitford, M. & Dunn, A. (2014). Papua New Guinea's Indigenous Cultural Festivals: Cultural Tragedy or Triumph? *Event Management*, 18, 265-283.